

Dakwah songsang kian ancam negara: Dr. M

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa kegiatan dakwah songsang kini telah sampai ke peringkat yang boleh merosakkan negara.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO menegaskan, kegiatan itu jika dibiarkan berterusan akan mewujudkan merosakkan imej Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Serentak dengan itu beliau menolak dakwaan PAS yang menyatakan tidak terdapat kegiatan dakwah seumpama itu di negara ini kerana menurut parti tersebut, semua kegiatan dakwah adalah baik dari segi logiknya.

"Parti PAS mempunyai kaitan dengan kegiatan dakwah songsang di negara ini dan

saya suka menekankan bahawa ia memang sebenarnya wujud di negara kita dan kini telah sampai ke peringkat yang membahayakan keselamatan kita.

"Kalau kita mempersoalkan tentang aspek logiknya sesuatu perkara, Parti PAS sebenarnya bukan merupakan sebuah parti Islam segi logiknya.

Kegiatan

"Saya berkata begini kerana huruf A ditengah-tengah nama singkat PAS tidak berbunyi Islam' seperti nama penuhnya Parti Islam SeMalaya, disambut dengan ketawa riuh perwakilan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika menggulung perbahasan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan mengenai Kementeriannya di Per-

himpunan Agung UMNO ke-31 yang berakhir di sini petang ini.

Beliau juga memberitahu tentang kegiatan jahat sebuah akhbar asing yang cuba merosakkan imej Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa.

"Saya suka menegaskan di sini bahawa akhbar ini tidak pernah melaporkan berita-berita yang baik mengenai sebarang kejadian di negara ini dan ia berbuat begini secara sengaja.

"Mereka sengaja mahu melihat rakyat negara kita berada di dalam keadaan huru-hara dan ia pernah meramalkan bahawa pergaduhan di antara kaum seperti yang berlaku dalam tahun 1969 akan berulang lagi di negara ini.

Ramalan

"Akhbar ini sengaja mahu menimbulkan huru-hara di kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita dan ia setakat ini telah berjaya menumbangkan beberapa kerajaan di dunia melalui pengaruhnya," katanya.

Timbalan Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyebut beberapa perkara lain termasuk:

- UMNO akan mengadakan jentera baru untuk mempergiatkan jualan saham kepada Bumiputera melalui penubuhan Badan Permodalan Nasional;

- Bangunan Kompleks Ibupejabat UMNO yang akan dibina kelak akan mengandungi sebuah Dewan konvensyen yang boleh memuat kira-kira 5,000 orang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia